

Headline	Seminar elak jangkitan HIV 11 Ogos		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Aug 2012	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	12	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	63 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 291
Frequency	Daily	PR Value	RM 873



Seminar elak jangkitan HIV 11 Ogos

KUALA LUMPUR – Satu seminar berhubung cara untuk mengelak jangkitan HIV dan keganasan keluarga khas untuk ibu tunggal anjuran Wanita MCA Selangor akan diadakan di Hotel Radius International, Changkat Bukit Bintang di sini pada 11 dan 12 Ogos ini

Program tersebut ditaja oleh Institut Pengurusan Wanita (WIM) dan Tabung Aktiviti Kependudukan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) bagi membantu golongan ibu tunggal lebih memahami cara untuk melindungi diri sendiri.

Menurut kenyataan WIM, semua kos perbelanjaan termasuk kos penginapan dan makanan akan ditanggung sepenuhnya.

Katanya, seminar itu akan membincangkan mengenai penyakit HIV termasuk punca, kesan dan cara pencegahan penyakit pada hari pertama manakala isu keganasan akan dibincangkan pada hari kedua.

Seminar tersebut akan bermula pada pukul 9 pagi hingga 4 petang dan disampaikan dalam bahasa Mandarin.

Setiap peserta boleh membuat pendaftaran mulai sekarang melalui laman web rasmi WIM atau menghubungi talian 03-7729 9909 untuk maklumat lanjut.